

## LANGKAH-LANGKAH KAWALAN PENYAKIT (AI)

Lapor serta merta kepada Jabatan jika terdapat unggas yang sakit atau mati;

Jangan melupus sendiri unggas atau ayam itik yang mati; Jangan memberi makanan kepada burung-burung liar;

Jangan import atau membawa burung, daging ayam itik atau baja tanpa kebenaran dari pihak Jabatan;

Jangan membeli atau membawa balik burung haiwan kesayangan ke rumah tanpa pemeriksaan dari pejabat veterinar;

Jika burung haiwan kesayangan anda sakit sila bawa berjumpha doktor veterinar serta merta; Jika ianya menunjukkan tanda-tanda penyakit seperti yang disebutkan diatas sila laporkan kepada pejabat veterinar terdekat;

Lapor ke pejabat veterinar jika anda mengetahui berkenaan penyaludapan burung atau daging secara haram;

Jangan menyertai pertandingan ayam laga atau apa-apa pertandingan burung yang haram dan uarantin burung baru selama 14 hari sebelum masuk ke ladang;

Memastikan burung telah diuji dan disahkan negatif penyakit Avian Influenza sebelum memasuki ladang.



## UNTUK SEBARANG PERTANYAAN

**Pejabat Perkhidmatan Veterinar Kuching**  
082-628255

**Pejabat Perkhidmatan Veterinar Samarahan**  
082-671221

**Pejabat Perkhidmatan Veterinar Serian**  
019-2045829

**Pejabat Perkhidmatan Veterinar Sri Aman**  
083-322106

**Pejabat Perkhidmatan Betong**  
083-471622

**Pejabat Perkhidmatan Veterinar Sarikei**  
084-658129

**Pejabat Perkhidmatan Veterinar Sibu**  
084-330224

**Pejabat Perkhidmatan Veterinar Kapit**  
084-798280

**Pejabat Perkhidmatan Veterinar Mukah**  
084-871050

**Pejabat Perkhidmatan Veterinar Bintulu**  
086-335770

**Pejabat Perkhidmatan Veterinar Miri**  
085-411866

**Pejabat Perkhidmatan Veterinar Limbang**  
085-212177

**Pejabat Perkhidmatan Lawas**



**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR SARAWAK**  
IBU PEJABAT PERKHIDMATAN VETERINAR,  
LOT 877, JALAN SEMENGOK, OFF BATU 12  
JALAN KUCHING-SERIAN, 93250 KUCHING, SARAWAK

Tel: 082-628248 / 249 / 250 / 255 | Faks: 082-628227  
OPS Room Hotline: 016-2557267 | Email: dvs@sarawak.gov.my  
Website: dvs.sarawak.gov.my | FB: www.facebook.com/DVSSarawak

# PENYAKIT SELSEMA BURUNG AVIAN INFLUENZA (AI)



**JABATAN  
PERKHIDMATAN  
VETERINAR SARAWAK**



## KENALI PENYAKIT AVIAN INFLUENZA (AI)

AI atau selsema burung ialah penyakit berjangkit yang boleh menjelaskan kesihatan dan menyebabkan kematian terutama kepada burung-burung domestik seperti ayam, angsa, itik dan ayam belanda

Selsema burung disebabkan oleh virus AI yang biasanya boleh berjangkit kepada burung, kadang kala kepada babi dan jarang-jarang kepada kuda, anjing laut, ikan paus, manusia dan juga lain-lain binatang.

Subtip yang berbahaya adalah H5 dan H7 kerana boleh menjangkiti manusia. Manakala H9 menjangkiti unggas.

Penyakit saluran pernafasan sangat patogenik disebabkan oleh jangkitan virus Influenza dari sub-tip H5N1.

Jangkitan virus ini boleh menyebabkan kadar kematian ternakan yang sangat tinggi sehingga mencapai 100% kematian.

Virus HPAI berupaya mengjangkiti manusia melalui sentuhan semasa mengendalikan ternakan ayam, itik atau unggas yang telah terjangkit.

## TANDA-TANDA AVIAN INFLUENZA (AI)

### TANDA-TANDA KLINIKAL TERHADAP HAIWAN

- Murung dan kurang selera makan;
- Batuk, bersin dan lelehan dari hidung;
- Bengkak di kepala, balung, pial dan kaki;
- Balung, pial dan kaki berubah warna kepada ungu;
- Cirit berwarna kehijauan;
- Pengeluaran telur jatuh;
- Dalam kes yang teruk kematian mengejut berlaku dan kadar kematian tinggi.

### TANDA-TANDA KLINIKAL TERHADAP MANUSIA

- Demam panas, selsema dan batuk berterusan;
- Sakit dada dan sesak nafas;
- Tiada selera makan;
- Badan sangat lemah;
- Mata merah (*conjunctivitis*).

## DIAGNOSIS & PENGESANAN PENYAKIT

Survelan klinikal dan virologikal di ladang-ladang ayam, itik, puyuh dan lain-lain ladang, burung yang diimport, kedai haiwan kesayangan, burung hijrah, zoo, aviary, ayam kampung, ayam sabung, kawasan sempadan, pasar, rumah sembelih dan lain-lain. Sampel diambil secara berkala di semua premis ini untuk ujian di makmal.

### ORDINAN KESIHATAN AWAM VETERINAR 1999

Dibawah Seksyen 30 VPHO (1999), Kegagalan penternak melaporkan sebarang kes jangkitan penyakit AI kepada State Veterinary Authority boleh disabitkan dan akan dikenakan denda tidak melebihi RM500. Penternak yang tidak mengurung atau mengasingkan haiwan yang disyaki terkena jangkitan AI boleh didenda tidak melebihi RM1000. Sekiranya penternak tidak memberikan kerjasama kepada State Veterinary Authority dalam menyiasat dan mengambil sampel haiwan, beliau boleh dikenakan denda tidak melebihi RM500.